



**KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA**  
**DIRECTOR GENERAL OF HEALTH MALAYSIA**

Kementerian Kesihatan Malaysia,  
Aras 12, Blok E7, Kompleks E,  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,  
62590 Putrajaya.

Tel. : 603-88832545  
Faks : 603-88895542  
Email : hasar@moh.gov.my

Ruj. Kami : Bil. ( 24 ) KKM/62/BPKK(N)/ NP 22 Jld. 4

Tarikh : 16 September 2012

Semua Setiausaha Bahagian  
Semua Pengarah Bahagian  
Semua Pengarah Kesihatan Negeri/ Wilayah Persekutuan  
Semua Pengarah Institusi Kesihatan  
Semua Pengarah Hospital

*YBhg. Datuk/ Dato'/ To' Puan/ Tuan/ Puan,*

**SURAT PEKELILING KETUA PENGARAH KESIHATAN BIL. 25/2012**

**PELAKSANAAN KAFETERIA SIHAT DI FASILITI KESIHATAN  
KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA**

**1. TUJUAN**

Surat pekeliling ini bertujuan untuk memaklumkan tentang pelaksanaan Kafeteria Sihat di semua fasiliti kesihatan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM).

**2. LATAR BELAKANG**

Dengan perubahan gaya hidup, dengan faktor masa dan tuntutan kerja yang sibuk telah mendorong masyarakat untuk makan di luar seperti di restoran, kafeteria atau kedai makan. Kekurangan kafeteria atau restoran yang menawarkan pilihan makanan yang berkhasiat, bersih dan selamat merupakan antara faktor yang menghalang masyarakat mengamalkan makan secara sihat. Oleh itu, pelaksanaan Kafeteria Sihat merupakan salah satu strategi yang dapat membantu menyediakan persekitaran yang menyokong masyarakat mengamalkan makan secara sihat.



Hasil Tinjauan Morbiditi dan Kesihatan Kebangsaan (NHMS) di kalangan penduduk dewasa berumur 18 tahun dan ke atas menunjukkan prevalen berlebihan berat badan (*Body Mass Index* (BMI)  $\geq 25$  kg/m<sup>2</sup>) telah meningkat daripada 16.6% (NHMS 1996) dan 29.1% (NHMS 2006) kepada 29.4% (NHMS 2011). Sementara itu, prevalen obesiti (BMI  $\geq 30$  kg/m<sup>2</sup>) juga meningkat dari 4.4% (NHMS 1996) dan 14.0% (NHMS 2006) kepada 15.1% (NHMS 2011).

Berat badan berlebihan dan obesiti merupakan faktor risiko bagi pelbagai penyakit tidak berjangkit seperti penyakit jantung, darah tinggi, diabetes dan sesetengah kanser. Peratus penghidap darah tinggi meningkat daripada 20.7% (NHMS 1996) dan 32.2% (NHMS 2006) kepada 32.7% (NHMS 2011). Prevalen diabetes di kalangan dewasa berumur 30 tahun ke atas juga telah meningkat daripada 14.9% (NHMS 2006) kepada 20.8% (NHMS 2011).

Peningkatan kejadian penyakit tidak berjangkit ini menyebabkan kos penjagaan kesihatan meningkat dan menjejaskan kualiti hidup individu yang terbabit. Amalan gaya hidup sihat terutamanya, dalam aspek penyediaan, pemilihan dan pengambilan makanan sihat, boleh membantu dalam mencegah dan mengawal keadaan yang membimbangkan ini. Oleh itu, semua fasiliti kesihatan KKM perlu memainkan peranan sebagai model bagi menyokong amalan makan secara sihat melalui pelaksanaan Kafeteria Sihat.

### **3. TINDAKAN**

Semua kafeteria di fasiliti kesihatan KKM perlu diiktiraf sebagai Kafeteria Sihat dalam masa 1 tahun selepas tarikh surat ini berkuatkuasa.

Selepas tempoh setahun atau setelah kontrak penyewaan kafeteria telah tamat tempoh; atau mana-mana yang terdahulu, pematuhan kriteria Kafeteria Sihat perlu diwujudkan dalam syarat penyewaan kafeteria di semua fasiliti kesihatan.

### **4. PANDUAN PELAKSANAAN KAFETERIA SIHAT**

Pelaksanaan ini merujuk kepada **Garis Panduan Penilaian Pengiktirafan Kafeteria Sihat** yang boleh dimuat turun dari laman portal rasmi Kementerian Kesihatan Malaysia: <http://www.moh.gov.my>

atau laman sesawang Pusat Maklumat Pemakanan:  
<http://nutrition.moh.gov.my>.

**5. TANGGUNGJAWAB PENGARAH**

Pengarah Institusi Kesihatan, Pengarah Hospital dan Pegawai Kesihatan Daerah bertanggungjawab melaksanakan surat pekeliling ini.

**6. PELAKSANAAN**

Pelaksanaan ini berkuatkuasa mulai dari tarikh surat ini dikeluarkan.

**7. PERTANYAAN**

Sebarang pertanyaan yang berkaitan hendaklah dikemukakan ke alamat berikut:


Pengarah  
Bahagian Pemakanan  
Kementerian Kesihatan Malaysia  
Aras 1, Blok E3, Kompleks E  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan

No. Telefon: 03-88924556

No. Faks: 03-88924512

Sekian, terima kasih.

*Yang Ukhlas,*



**(DATO' SRI DR. HASAN BIN ABDUL RAHMAN)**  
Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia



s.k.:

- Ketua Setiausaha  
Kementerian Kesihatan Malaysia
- Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan)
- Timbalan Ketua Setiausaha (Kewangan)
- Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Kesihatan Awam)
- Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Perubatan)
- Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Penyelidikan dan Sokongan Teknikal)
- Pengarah Kanan (Kesihatan Pergigian)
- Pengarah Kanan (Perkhidmatan Farmasi)
- Pengarah Kanan (Keselamatan dan Kualiti Makanan)
- Setiausaha Sulit Kanan YB. Menteri Kesihatan
- Setiausaha Sulit Kanan YB. Timbalan Menteri Kesihatan